

01 NOV 2003

AKHBAR INDIA LAPORKAN PERUBAHAN KEPIMPINAN MALAYSIA

NEW DELHI, 1 Nov (Bernama) -- Media India menyiarkan laporan mengenai penyerahan tugas sebagai Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya semalam.

Akhbar berbahasa Inggeris, The Hindu, turut memuatkan gambar penyerahan fail peribadi oleh Dr Mahathir kepada Abdullah dalam muka hadapan berhampiran kepala akhbar.

Dalam satu laporan di muka dalam dengan tajuk "Mahathir mengundurkan diri", akhbar itu berkata: Semasa memegang jawatannya, beliau (Dr Mahathir) berusaha membentuk semula Malaysia sebagai sebuah ekonomi moden yang bercita-cita untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

"Dengan berbuat demikian, beliau melancarkan perjuangan politik dengan pemimpin negara-negara kaya dan berkuasa di samping pakar pelaburan seperti George Soros dan lain-lain."

Sebuah akhbar lagi, The Indian Express juga menyiarkan gambar dan laporan agensi mengenai persaraan Dr Mahathir.

Semalam, dua akhbar memuatkan laporan tiga ruangan beserta gambar-gambar Dr Mahathir dengan salah satu daripadanya menyebut: "Beliau menumpukan kerjaya politiknya selama 22 tahun dalam menentang pelampau Islam di Malaysia dan membina sebuah masyarakat pelbagai kaum dengan Melayu, Cina serta India hidup secara bersama dan dengan tahap kemakmuran yang tidak sama seperti kebanyakan negara Dunia Ketiga, apa lagi India."

-- BERNAMA

MP AZZ AO ROS